

## LIBERALISASI PENDIDIKAN DAN CABARANNYA DALAM KONTEK PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Oleh  
Rosnani Hashim

### Abstract

*This article discusses the impact of globalization, in particular the liberal economy, on education. It elaborates how the liberalized economy requires a new kind of worker who needs a different set of skills, especially knowledge of the information and communication technologies (ICT). Due to this, there is a greater demand for higher education which could not all be met by the government, thereby resulting in the privatization of education. Liberalization also brings with it internationalization which means the hegemony of the English Language and also accountability through international comparison in education, thereby scrutinizing local education system to international standards. The article subsequently analyses the impact of this new development such as the dehumanization, the technologization, the Englishization and the possible resecularization of education on Islamic and Muslim education. It concludes with an examination of the role of zakat institution for financing for Muslim educational institutions and suggests changes in Islamic and Muslim education to meet these new challenges.*

### Muqaddimah

Mengupas tentang liberalisasi, khususnya liberalisasi pendidikan, tidak dapat lari daripada perbincangan tentang globalisasi. Globalisasi merupakan idea utama dalam teori dan amalan perdagangan, dan perbincangan akademik masa kini dan liberalisasi merupakan satu ciri unggul globalisasi yang berhubungkait dengan ekonomi. Menurut Scholte ada sekurang-kurangnya lima takrif umum bagi istilah 'globalisasi' yang boleh didapati dalam literatur kontemporari.<sup>1</sup> Pertama, globalisasi sebagai pengantarabangsaan, iaitu perhubungan yang melintasi sempadan negara yang membabitkan peningkatan aliran perdagangan dan pelaburan modal sehingga pergerakannya menjangkau ekonomi antara negara kepada ekonomi global yang lebih kukuh. Kesan daripadanya, ekonomi negara terpaksa mengalah dan diacu ke dalam acuan sistem ekonomi global. Pengantarabangsaan juga bermakna mengutamakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi dan ilmu antarabangsa. Kedua, globalisasi sebagai liberalisasi boleh dimaksudkan sebagai satu proses meleburkan sekatan-sekatan pergerakan antara negara yang dikenalkan oleh kerajaan negara tersebut bagi membentuk ekonomi dunia yang terbuka, tanpa sempadan. Ketiga, globalisasi atau kesejahteraan ialah

<sup>36</sup> Mohd Ariffin Muhd Arif, "Wacana Warisan Persuratan Melayu Menyorot Nilai Politik dan Sastera sebagai Wadah Memanusiakan Manusia, Ucapan Utama, Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara ke-4. Anjuran MASTERA dan DBP pada 29-30 Nov 2005.

<sup>37</sup> Rujuk Zulkarnain Mohamed, "Sa'di al-Shirazi: Sasterawan Kemanusiaan Parsi," dlm Hakim Zainal et.al. (Ed.) *Prosiding Seminar Ketokohan Cendekiawan Islam*. (Bangi, Selangor: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000).

<sup>38</sup> Hakim Sanai, *The Walled Garden of Truth*. (New York: E.P. Dutton & Co., 1976), hlm. 19.

penyebaran sebagai objek, idea dan pengalaman ke seluruh pelusuk dunia misalnya, melalui televisyen. Keempat, globalisasi sebagai modernisasi atau westernisasi (terutama 'pengamirikaan'), yang mana struktur sosial moderniti (kapitalisme, rasionalisme, industrialisme, birokratisme dan lain-lain isme) ditebarkan di seluruh dunia dan dalam proses itu ia memusnahkan kebudayaan dan aspirasi masyarakat setempat. Akhirnya, globalisasi dapat dianggap sebagai perumusan semula geografi yang mana ruang sosial tidak lagi perlu dipetakan dan dibataskan dari segi kedudukan, jarak dan sempadan. Malahan, menurut Giddens globalisasi adalah "kepesatan hubungan sosial sejagat yang menghubungkan kawasan-kawasan setempat sehingga peristiwa yang berlaku pada sesuatu masyarakat itu dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku beribu-ribu batu jauh daripadanya."<sup>2</sup>

Justeru, sebelum menyentuh tajuk kertas ini, eloklah direnung sedikit tentang sejarah pendidikan manusia supaya kita dapat meletakkan isu globalisasi dan liberalisasi yang tidak dapat dielakkan ini dalam kerangka perbincangan. Memang jelas bidang pendidikan sedang berubah dan perubahan ini sebenarnya telah pun bermula sejak lama dulu. Dulu sebelum wujudnya sekolah sebagai institusi pendidikan umum, pendidikan itu menjadi tanggungjawab ibu bapa. Golongan elit menggaji tutor untuk mengajar anak mereka secara *private*. Pendidikan tertumpu kepada pembinaan akal, bakat dan potensi individu. Kanak-kanak golongan bawahan juga diasuh oleh keluarga mereka dan masyarakat setempat untuk dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat tersebut. Kemudian apabila sekolah ditubuhkan sebagai institusi pendidikan umum tanggungjawab ibu bapa dan masyarakat supaya mendidik generasi muda masih kekal. Pihak sekolah dibantu dengan dasar-dasar yang menyokong masyarakat setempat mengawalinya kerana ia bertindak selaku pengganti ibu bapa dan anak-anak dididik bersesuaian dengan keperluan mereka, iaitu keperluan identiti, budaya masyarakat, kewangan, agama dan pekerjaan. Di peringkat negara, terdapat dinamik yang serupa, tapi pada tahap yang berbeza: dasar-dasarnya menekankan kepatuhan dan identifikasi dengan tradisi kebangsaan, satu masyarakat yang lebih besar, kewangan, dan tanggungjawab pekerjaan yang lebih luas.

Apabila pendidikan berpindah menjadi tanggungjawab umum, maka ia mula menjangkau matlamat perkembangan individu. Malahan disiplin ekonomi pendidikan menegaskan bahawa pendidikan awam melibatkan kos dan manfaat bagi masyarakat awam dan oleh itu ia bukan sahaja satu perbelanjaan kewangan negara tetapi juga satu pelaburan negara untuk masa depan. Hatta, politik pendidikan mengatasi keperluan seseorang individu untuk

mendapatkan pendidikan dan malahan ia berperanan mendiktekan dasar yang mempengaruhi masyarakat. Sistem pendidikan yang disusun di bawah pentadbiran negara mengawal, mengatur, menyusun, membiayai dan mengesahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Jadi tidak hairanlah matlamat utama sistem pendidikan ialah untuk membina warganegara yang setia dan berkeupayaan. Persoalan yang dihadapi kini ialah: Sejauhmanakah proses globalisasi mengancam kemerdekaan sistem pendidikan kebangsaan dan kedaulatan kerajaan sesebuah negara? Bagaimanakah globalisasi, khususnya liberalisasi, akan merubah asas sesebuah sistem pendidikan yang dicirikan oleh kehampiran jarak dan kebiasaan? Adakah globalisasi "benar" atau semata-mata satu ideologi? Sekiranya globalisasi satu aliran yang tidak dapat dielak atau dibendung, apakah kesannya terhadap iklim ekonomi-politik sesebuah negara, dan selanjutnya terhadap kebudayaan dan pendidikannya? Bagaimanakah penstrukturan semula ekonomi mempengaruhi sistem pendidikan sejagat? Mungkinkah wujud satu organisasi bertaraf antarabangsa yang akan menghasilkan hegemoni baru dalam kurikulum, pengajaran dan amalan pedagogi pada umumnya dan melahirkan dasar-dasar tentang pembiayaan, penyediaan dan penilaian sekolah? Dalam konteks umat Islam, bagaimanakah liberalisasi pendidikan boleh mempengaruhi pendidikan Islam dan umatnya? Apakah pula kedudukan pendidikan Islam di institusi-institusi pendidikan awam dan dalam sistem pendidikan nasional seluruhnya? Apakah bentuk sistem pendidikan Islam yang ideal dalam era liberalisasi pendidikan?

Pola penstrukturan semula ekonomi global yang muncul pada akhir 1970an berjalan seiring dengan perlaksanaan dasar-dasar *neoliberal* dalam kebanyakan negara di dunia. Pada masa itu pengurusan kapitalis di Amerika dan negara-negara Barat tersepit di antara keuntungan yang mengecut, dan tenaga buruh yang mendesak upah yang tinggi dengan persaingan dari luar yang memaksa mereka supaya menurunkan harga barangan. Dalam keadaan ekonomi yang lembap, negara itu kekurangan hasil untuk menampung perbelanjaan sosial dan rakyat selaku pembayar cukai pula mulai marah terhadap mereka yang menerima manfaat terbanyak, iaitu jentera birokrasi negara, penerima kebajikan masyarakat, institusi penerima subsidi kerajaan dan sebagainya hingga menyebabkan hilangnya permuafakatan.<sup>3</sup>

Penstrukturan semula ekonomi global itu memiliki unsur-unsur berikut:

1. Globalisasi ekonomi dalam konteks pembahagian baru buruh di peringkat antarabangsa dan integrasi ekonomi di kalangan banyak negara (seperti kemunculan pasaran-pasaran bersama dan penjanjian perdagangan seperti NAFTA, AFTA, dan EU);

2. Kemunculan hubungan perdagangan dan susunan baru di antara pelbagai negara, dan di antara kelas dan sektor sosial dalam negara dan pertumbuhan bidang baru, khususnya di negara membangun yang mana maklumat dan perkhidmatan menjadi lebih penting daripada sektor pembuatan.
3. Peningkatan pengantarabangsaan perdagangan yang tercermin dalam peningkatan keupayaan menghubungkan pasaran dengan pantas dan memindahkan kapital melintasi sempadan negara-negara (kini 600 syarikat multinasional (MNC) menguasai 25 peratus ekonomi dunia dan 80 peratus perdagangan di dunia);
4. Penstrukturan semula pasaran buruh, yang mana upah mengikut jam diganti dengan pengupahan berdasarkan hasil dan mutu kerja, sementara kuasa kesatuan-kesatuan pekerja dikurangkan;
5. Kemunculan daya pengeluaran baru, dengan industri beralih daripada industri mekanikal kepada industri yang dikuasai oleh mikrocip, robotik dan jentera automatik yang berfungsi secara sendiri, yang melahirkan pula masyarakat maklumat berteknologi tinggi bersandarkan komputer
6. Pertumbuhan pengeluaran yang memerlukan modal yang intensif semakin penting, yang menyebabkan *deskilling*s atau kehilangan kemahiran di kalangan tenaga pekerja yang begitu ramai sehingga timbul situasi pasaran buruh yang berlawanan iaitu, segelintir pekerja yang berkemahiran tinggi dengan upah yang lumayan dan di satu pihak lain pula begitu ramai pekerja yang kurang berkemahiran dengan upah yang rendah;
7. Peningkatan saiz dan kepentingan sektor perkhidmatan, dengan kerugian pada sektor utama dan sekunder;
8. Peningkatan pekerja separuh masa dan wanita yang kebanyakan mereka bekerja dari rumah;
9. Peluasan jurang kewangan, teknologi dan budaya antara negara maju dan sedang membangun, kecuali negara industri baru (NIC).

Globalisasi bukan sahaja mempunyai kesan terhadap ekonomi dan politik tetapi juga terhadap keadaan sosio-budaya masyarakat setempat. Dari sudut ekonomi seperti yang telah dibicarakan di atas, globalisasi diterajui oleh syarikat multi-nasional (MNC) yang menuntut liberalisasi pasaran supaya sekatan-sekatan terhadap pengaliran material, tenaga buruh dan pelaburan dihapuskan dan ia bebas menjangkau sempadan negara, perdagangan global dan mengukuhkan kedudukan golongan kapitalis. Akibatnya, terdapat persaingan yang hebat antara dasar MNC dan dasar negara, perdagangan setempat atau *lokal*, dan juga ideologi-ideologi bukan kapitalis. Dari sudut

politik, globalisasi mewujudkan persaingan dan konflik di antara kerajaan global dan kerajaan lokal. Kedaulatan dan autonomi negara mula terhakis. Ia mengukuhkan penguasaan (hegemoni) Barat (Amerika) yang mahu memaksa demokrasi ke atas negara-negara lain sehingga dirasakan globalisasi sinonim dengan penjajahan semula pihak Barat ke atas negara-negara bukan Barat. Globalisasi juga sinonim dengan pertumbuhan pluralisme (kemajmukan), kepelbagaian khususnya kepelbagaian budaya (multi-culturalism), bahasa, bangsa dan agama. Akhirnya, globalisasi juga mempunyai kesan terhadap sosio-budaya masyarakat dan semakin berlaku pertembungan di antara nilai Barat dengan nilai masyarakat tempatan. Ia ingin membawa arus keseragaman budaya. Barber mengungkapkan ini dalam jodol bukunya *Jihad vs. McWorld*.<sup>5</sup> Ia mempunyai kesan yang mendalam terhadap pendidikan seperti yang akan dibahaskan kemudian. Justeru, globalisasi tidak memberi banyak pilihan kepada masyarakat dunia sehingga kini timbul perbincangan bahawa sebenarnya demokrasi sedang menuju ajalnya. Globalisasi juga tidak sepi daripada keburukan seperti kesan terhadap pengangguran, penghakisan terhadap kesatuan buruh yang tersusun, mewujudkan kelas dalam masyarakat, melebarkan jurang antara golongan kaya dan miskin dan juga negara maju dan negara membangun.

### Globalisasi dan Liberalisasi Pendidikan

Liberalisasi ekonomi yang tercetus daripada globalisasi mempunyai kesan yang cukup mendalam terhadap pendidikan. Era globalisasi memerlukan tenaga kerja yang berbeza berbanding era pra-globalisasi iaitu tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, yang boleh mempelajari sesuatu dengan cepat sekali dan boleh bekerja sebagai satu pasukan. Golongan *neo-liberal* yang mendokong dasar liberalisasi pula sememangnya dipimpin oleh visi pemerintah yang lemah berbanding golongan korporat. Justeru itu pada mereka penswastaan adalah baik daripada pentadbiran awam. Pada mereka hanya ada satu rasionaliti yang lebih kuat daripada rasionaliti lain, iaitu rasionaliti ekonomi. Prinsip dominan mereka adalah 'efisiensi' (kecekapan) dan 'etika' analisis kos-manafaat.<sup>6</sup>

Globalisasi dan liberalisasi mempunyai impak terhadap pendidikan dalam lima perkara.<sup>7</sup> Pertama, pasaran buruh dan sistem pendidikan akan mengalami perubahan disebabkan perubahan cara bekerja dan jenis pekerjaan yang akan dilakukan di seluruh dunia. Permintaan akan tertumpu kepada barangan yang mempunyai kandungan kemahiran yang tinggi dan pekerjaan pula lebih bersifat fleksibel. Lebih ramai tenaga kerja akan bertukar pekerjaan sepanjang hayat mereka dan pekerjaan mereka semakin lebih bercorak *multitasking*.

Ini bermakna tahap pendidikan tenaga pekerja perlu ditingkatkan dan lebih banyak peluang bagi golongan dewasa untuk kembali ke institusi pendidikan bagi memperoleh kemahiran-kemahiran baru disediakan. Manfaat daripada tahap pendidikan yang lebih tinggi kian bertambah hasil daripada anjakan dalam cara pengeluaran ekonomi kepada produk dan proses yang intensif dalam ilmu pengetahuan. Di samping itu kerajaan mungkin melaksanakan dasar yang meningkatkan ketidaksamaan pendapatan. Apabila pendapatan golongan berpendidikan tinggi meningkat, maka wujud permintaan yang tinggi untuk pengajian tinggi dan kesannya, pemerintah terpaksa menyediakan lebih banyak institusi pengajian tinggi dan juga pendidikan menengah. Negara-negara yang pada satu ketika dulu tidak memberi perhatian kepada persamaan akses kepada pendidikan di kalangan wanita pun terpaksa mula melonggarkan amalan tersebut bagi memperoleh buruh murah tetapi berpengetahuan tinggi.

Kedua, liberalisasi pendidikan yang diterajui oleh golongan korporat ini akan mula merungkaikan pendidikan awam kerana kecenderungannya kepada idea dan konsep pendidikan swasta. Ini kerana kerajaan dari negara sedang membangun ditekan untuk menambah perbelanjaan terhadap pendidikan bagi melahirkan tenaga kerja yang mahir. Hujahnya, sistem pendidikan yang tersusun rapi dan tenaga mahir yang berpendidikan lebih tinggi dapat menarik modal global, yang semakin penting dalam ekonomi global. Tetapi modal kewangan global ini mempunyai kepentingan ekonomi jangka pendek dan mahukan sektor awam yang kecil. Ia terlalu condong kepada sektor swasta dan dengan pakej ideologinya menekan kerajaan untuk mengurangkan pembiayaan pendidikan yang kian pesat berkembang seperti yang dijangkakan, dan pembiayaan itu ditanggung pula oleh sektor lain. Agenda menghadkan pembiayaan pendidikan awam mungkin menghalang kerajaan daripada memilih cara yang paling berkesan untuk mengembangkan dan memperbaiki pendidikan pada era ekonomi global yang baru ini. Penekanan kepada pendidikan swasta akan melebarkan lagi jurang di antara golongan elit dan bukan elit, golongan kaya dan golongan miskin. Ini kerana kos pendidikan yang mahal tidak mampu ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah. Justeru, liberalisasi pendidikan mengukuhkan lagi lingkaran ganas yang dilalui oleh golongan miskin. Hancurlah harapan golongan ini untuk menggunakan pendidikan sebagai kaedah keluar daripada lingkaran tersebut. Pendidikan gagal memberi mereka peluang untuk mobiliti sosial. Dengan keterbatasan pendidikan kepada golongan elit, maka pendidikan gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sosialnya memberi keadilan kepada semua anggota masyarakat dan menghapuskan kewujudan kelas dalam masyarakat.

Ketiga, kualiti sistem pendidikan semua negara semakin diperbandingkan di peringkat antarabangsa. Ini menyebabkan bertambahnya penekanan yang diberi kepada pengajaran subjek yang dibandingkan seperti sains dan matematik dalam TIMSS, dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Peperiksaan, penilaian dan kepiawaian menjadi sebahagian daripada usaha-usaha besar untuk menambah akauntabiliti menerusi mengukur pengeluaran ilmu pengetahuan melalui peperiksaan dan menggunakan ukuran-ukuran itu untuk menilai prestasi pekerja pendidikan (pensyarah dan guru) dan pengurus-pengurusnya. Namun, cara peperiksaan itu digunakan untuk "memperbaiki mutu" pendidikan pula sangat dipengaruhi oleh konteks politik dan matlamat sistem penilaian.

Keempat, teknologi maklumat kini giat disalurkan secara beransor-ansor ke dalam sistem pendidikan, sebagai usaha untuk menambah kuantiti pendidikan pada kos yang lebih murah menerusi pendidikan jarak jauh dan juga sebagai usaha untuk menyediakan pendidikan bermutu tinggi (pada harga yang lebih mahal) menerusi pengajaran berbantuan komputer dan penggunaan internet. Walaupun kebanyakan negara berada di tahap awal penggunaan teknologi baru ini, kepentingannya pada masa depan tidak seharusnya dipandang sepi. Ini kerana ia berupaya menghubungkan pelajar atau guru dari satu negara ke satu negara lain walau di cerok mana sekali pun mereka berada asalkan terdapat kemudahan komputer dan internet.

Kelima dan terakhir, kewujudan rangkaian teknologi komunikasi dan maklumat global ini bermakna budaya dunia akan melalui perubahan. Globalisasi akan membuat banyak kumpulan rasa tersisih dengan nilai budaya baru ini. Kumpulan-kumpulan ini akan berjuang menentang ekonomi global ini dengan menegaskan nilai-nilai budaya yang mungkin juga bersifat universal seperti kumpulan environmentalis dan persekitarannya, atau kumpulan makanan yang diubah genetikanya (GMO) yang pada waktu yang sama memusuhi pasaran. Ini juga merupakan sejenis pertarungan baru bagi makna dan nilai ilmu. Justeru, ia mempunyai implikasi dalam organisasi sistem pendidikan.

Ringkasnya, kesan daripada kelima-lima impak liberalisasi pendidikan ialah pengkomoditian ilmu pengetahuan iaitu ilmu juga boleh dijual beli, dipindah dan dialihkan seperti juga komoditi lain. Sistem pendidikan khususnya pengajian tinggi mula diambil-alih oleh golongan korporat atau pimpinan yang berfikir dalam *dollars* dan *sense*, walaupun ditentang oleh para profesor yang cuma mampu untuk menonton sahaja tanpa kuasa untuk menghentikannya sebab mereka juga diberi gaji dari sumber yang sama.

Mereka tidak ada autonomi, mereka juga diberi ultimatum – terima atau tinggalkan institusi itu. Jelas, globalisasi mengancam kebebasan sistem pendidikan sesebuah negara itu khususnya negara sedang membangun. Globalisasi juga mengubah orientasi atau halatuju pendidikan dan juga teknologinya dan menyahkan kesetempatannya. Liberalisasi pendidikan berusaha melahirkan manusia pengguna yang sudah diperah kemasusiaannya dan tidak dapat lagi merasa melalui hati nuraninya.

#### **Cabaran Liberalisasi Terhadap Pendidikan Umat Islam**

Sebelum dikupas cabaran-cabaran liberalisasi terhadap pendidikan Islam, wajar bagi kita memberi penjelasan tentang apa yang dimaksudkan dengan pendidikan Islam dalam kertas ini. Pendidikan Islam boleh merujuk kepada pendidikan secara 'amnya dalam tradisi Islam. Kedua, ia boleh juga difahamkan sebagai merujuk kepada pendidikan umat Islam di mana sahaja mereka berada. Ketiga, pendidikan Islam boleh digunakan untuk merujuk kepada sesuatu yang khusus, iaitu disiplin ilmu pengajian Islam, teori dan pengajarannya.

#### **Pendidikan dalam Tradisi Islam**

Dalam konteks yang pertama, iaitu pendidikan dalam tradisi Islam, cabaran terbesar yang kita hadapi ialah cabaran terhadap matlamat pendidikan itu sendiri. Dengan liberalisasi pendidikan, pendidikan itu sendiri akan hilang makna dan intipatinya. Matlamat pendidikan akan berganjak dari matlamat ketawhidan iaitu, untuk pengenalan Allah yang Maha Esa dan selanjutnya pelaksanaan tuntutan-tuntutan daripada pengiktirafan tersebut, khususnya selaku 'abd dan *khaliqah* yang berusaha untuk memastikan keadilan yang mengiringi ketakwaan dijelmakan dalam bentuk usaha-usaha keadilan sosial.<sup>8</sup> Liberalisasi pendidikan menghinakan insan dan menjatuhkan martabat pendidikan sebagai setaraf dengan latihan kemahiran sebab ia cuma berhasrat untuk melahirkan gunatenaga atau buruh yang berkemahiran tinggi untuk kegunaan industri atau keuntungan para korporat. Sememangnya, liberalisasi pendidikan akan merealisasikan pemindahan konsep-konsep ekonomi dan industri seperti *quality control, total quality management, ISO, market, raw product* dan sebagainya ke alam pendidikan. Maka tepatlah ungkapan bahawa sekolah atau universiti adalah sebagai kilang mengeluarkan pekerja mahir secara besar-besaran (*mass production*) dan telah pun berlaku 'vocationalization of higher education'.

#### **Nyahkemasusiaan Pendidikan**

Justeru, dalam konteks pendidikan, liberalisasi mempunyai kesan yang mengerikan. Pertama, akan berlaku nyahkemasusiaan pendidikan

(*dehumanization of education*) sebab hala tuju pendidikan akan mula ditentukan atau diarahkan oleh ekonomi atau budaya korporat yang kita maklum cuma melihat sesuatu dalam ringgit dan sen, iaitu dari sudut untung dan rugi. Oleh demikian kurikulum yang pada mereka merugikan akan dibaihi supaya menguntungkan mereka. Mereka tidak perlu mengeluarkan sesen pun untuk melatih tenaga kerja kerana sekolah dan universiti akan melatinya. Maka tidak hairanlah jika mereka berjuang bersungguh-sungguh mempengaruhi pemerintah yang juga terpaksa tunduk kepada mereka, untuk memastikan bahawa kandungan kurikulum sekolah dan juga universiti dipadatkan dengan isi yang berguna kepada mereka. Ini bermakna mewujudkan kursus-kursus yang membabitkan teknologi maklumat, teknologi dan sains. Justeru, kursus-kursus kemanusiaan dan sains kemasyarakatan mula terpinggir dan boleh berkubur jika kursus-kursus tersebut tidak diwajibkan bagi pelajar bidang sains, teknologi dan teknologi maklumat. Jelasnya kursus yang membuat insan itu merenung tentang sifat-sifat kemanusiaan, merenung makna kehidupan, meneliti matlamat hidup seperti agama, sosiologi, falsafah, kesusasteraan, sejarah dan sebagainya akan kehilangan tempat. Kursus ini dianggap tidak memberi apa-apa kemahiran pekerjaan. Autoriti pengajian tinggi berkenaan tidak sedar bahawa disiplin inilah yang memberikan manusia pegangan dan makna kehidupan yang lebih besar sumbangannya daripada kemahiran semata-mata. Bahkan apa yang sudah terjadi ialah pusat-pusat pengajian tinggi telah bertukar menjadi insitisi vokasional, iaitu tempat atau kilang melahirkan pekerja mahir.<sup>9</sup> Pekerja-pekerja kehormat ini hanya menurut perintah tanpa menimbulkan sebarang soalan yang mungkin boleh menggugat pihak pengurusan kerana demi kepentingan mereka, pekerjaan lebih baik dari pengangguran. Jelas sungguh bahawa hala tuju pendidikan semakin ditentukan oleh pasaran ekonomi dan golongan korporat dan bukan lagi pendidikan, ibu-bapa, sarjana, cendekiawan atau ulama. Cita-cita murni pendidikan yang dibahaskan manusia sejak kewujudannya yang tidak dapat dipisahkan daripada pemupukan nilai-nilai murni dan kebenaran kini mulai suram dan malap. Pendidikan bukan umpama cahaya yang menerangi kegelapan kejahatan lagi.

#### **Penteknologian Pendidikan**

Bagi tujuan melahirkan gunatenaga berkemahiran tinggi, institusi pendidikan asas dan tinggi kini mula dilengkapi dengan komputer dan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi. Sememangnya teknologi ini penting dan boleh meningkatkan produktiviti pelajar dan pada masa depan pekerja menerusi perisian aplikasi, keupayaan berkomunikasi dan paling mustahak keupayaan mencari maklumat yang terkini secepat kilat. Namun peralatan canggih itu yang sewajarnya bertaraf alat bantu mengajar sering disalahertikan

daripada alat (*means*), kepada matlamat (*ends*), khususnya di peringkat pendidikan rendah dan menengah. Ada pihak yang mempunyai tanggapan bahawa alat ini boleh mengambil alih tugas guru yakni, guru berfungsi sebagai fasilitator atau penonton di tepi padang. Para guru telah dipinggirkan dan tidak dikira perlu diberi latihan dan ilmu tersebut terlebih dahulu. Pihak ini berkeyakinan bahawa pelajar masih boleh memperoleh makna dan ilmu melalui usaha mental sendiri (*konstruktivisme*) dengan terdapatnya maklumat di hujung jari. Ini amat jelas sekali dalam konteks pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris yang menimbulkan banyak kesulitan ketika mula diperkenalkan sejak tiga tahun lepas. Kerana keyakinan bahawa ICT boleh mengambil alih tugas guru, dasar itu dilaksanakan serta merta tanpa melatih guru terlebih dahulu. Penggunaan ICT yang meluas itu menguntungkan pihak korporat atau usahawan ICT tetapi pengajaran masih tetap tidak berkesan sehingga guru terpaksa beri kursus Bahasa Inggeris, EteMS. Sebenarnya konsep guru sebagai mu'addib atau murabbi boleh pupus dengan fahaman tersebut. Guru amatlah perlu dalam sebarang penuntutan ilmu kerana pendidikan bukan sekadar menyampaikan maklumat. Sekiranya itu matlamat pendidikan, iaitu menyampaikan maklumat, memanglah komputer dan ICT boleh mengambil alih tugas guru. Tetapi maklumat tidak boleh menjadi ilmu tanpa maknanya dan di situlah besarnya peranan guru sebab ICT tidak boleh memberikan makna tersebut. Pendidikan khususnya di peringkat rendah dan menengah melibatkan perkembangan intelek, rohani dan akhlak. Perkara ini juga tidak boleh dilakukan oleh alat bantu mengajar jenis apa pun. Peranan guru sebagai *uswatun hasanah*, model hidup amat penting. Tambahan, guru mempunyai ilmu, kemahiran dan pengalaman yang boleh dianggap sebagai ilmu peribadi yang berbeza-beza dari guru ke guru sehingga pengajaran perkara yang serupa oleh dua orang guru tidak akan sama. Tidak bolehkah kita mengambil iktibar dalam cara penyampaian al-Qur'an itu sendiri yang mana manusia memerlukan seorang Rasul untuk menterjemahkan maklumat yang terdapat di dalamnya? Rasulullah juga dididik and guru baginda adalah Allah SWT sendiri! Inilah kedudukan guru dalam Islam sehingga muncul kata-kata Imam Shafie bahawa belajar tanpa berguru sama seperti belajar dengan syaitan.

### *Penginggerisan Pendidikan*

Kesan besar globalisasi yang mungkin tidak dapat dielakkan ialah keperluan kepada satu bahasa perantara atau *lingua franca* bagi tujuan berkomunikasi. Oleh kerana internet mengandungi tak terhingga banyaknya maklumat yang disogokkan oleh jutaan orang dari pelbagai lapisan bangsa dan bahasa di seluruh dunia, maka ia kini menjadi satu sumber maklumat atau kutubkhanah. Internet merupakan medium yang paling mudah diakses untuk mencari

maklumat tentang sebarang perkara dari seluruh pelusuk dunia sama ada di Barat mahupun di Timur, maka bahasa perantaraannya menjadi sangat dominan dan penting. Dalam konteks globalisasi atau ekonomi global, bahasa tersebut adalah Bahasa Inggeris. Justeru, liberalisasi pendidikan bermakna bahawa penguasaan Bahasa Inggeris adalah satu keperluan. Sudah tentu kedudukan bahasa tempatan akan tergugat tetapi ini bukan berlaku di Malaysia sahaja malahan di seluruh dunia yang mempunyai bahasa utama bukan bahasa Inggeris seperti di Perancis, Jepun, Sepanyol dan Jerman. Malahan kini penutur Bahasa Inggeris yang bukan jati melebihi bilangan penutur Bahasa Inggeri jati dalam nisbah 3:1. Kebanyakan penulisan jurnal akademik dalam bidang sains dan teknologi adalah dalam bahasa tersebut. Tetapi ada sarjana yang berpendapat memang wujud penentangan terhadap kedominanan Bahasa Inggeris ini di kebanyakan negara di Latin Amerika, Timur Tengah dan Asia dan besar kemungkinan Bahasa Cina iaitu Mandarin dengan penutur yang teramai di dunia akan mengambil alih peranan Bahasa Inggeris ini.<sup>10</sup>

### *Pensekuleran Semula Pendidikan*

Justeru, dengan terhaksinya nilai-nilai kemanusiaan yang diganti pula dengan nilai-nilai utilitarian dan sekular, maka liberalisasi akan mempercepatkan semula proses sekularisasi umat Islam yang terencat seketika apabila umat Islam mencapai kemerdekaan negara mereka setelah diijazah beratus-ratus tahun oleh penjajah Barat yang berusaha menerapkan pendidikan liberal, sekular kerana kurikulum institusi pendidikan akan berubah dan meminggirkan disiplin-disiplin yang "tidak bermanfaat" dari segi kos. Begitu juga ilmu yang diajar tidak akan memberi perhatian kepada unsur-unsur ketawhidan. Di samping itu, dengan kurangnya penekanan kepada adab dan akhlak, yang diambil alih oleh faktor pasaran dan keuntungan, maka besar kemungkinan akan berleluasa penyalahgunaan ilmu sebab kebanyakan ilmu khususnya ilmu sains ada kebaikan dan keburukan dan penentuannya adalah pengguna ilmu atau manusia itu sendiri. Tanpa dibantu dengan prinsip-prinsip akhlak yang luhur, adalah mudah sekali ilmu-ilmu itu disalahgunakan. Ini semakin lumrah berlaku dalam disiplin sains dan teknologi sehingga di Barat pun sudah tertubuh markaz-markaz pengajian *bioethics* (etika dalam biologi).

### *Pendidikan Umat Islam*

Pendidikan Islam dalam konteks yang kedua, iaitu dalam ertikata pendidikan umat Islam di mana jua mereka berada, cabarannya samalah seperti yang akan dialami oleh anggota masyarakat yang lain. Bahkan ia mungkin lebih parah sekali bagi umat Islam golongan minoritas yang perihatin tentang pentingnya agama mereka. Sama ada anak mereka mendapat pelajaran di institusi pengajian swasta mahupun umum, kedua-duanya akan mengurangkan

ruang untuk pendidikan Islam. Institusi swasta berhujah tidak ada nilai ekonomi dan pulangan daripada menawarkan pengkhususan dalam pengajian Islam. Institusi awam pula berhujah bahawa pengajian dan amalan Islam tidak boleh diberi perhatian berat sebab kita hidup dalam masyarakat *pluralisme* (majmuk) yang perasaan penganut agama lain harus dijaga walaupun mereka golongan majoritas dan status Islam sudah dimaktubkan dalam perlembagaan seperti halnya di Malaysia. Umat Islam akan turut merasakan kehampaan terhadap pemerintah mereka yang mengabaikan tuntutan sosial dalam menyediakan pendidikan untuk semua anggota masyarakat khususnya pendidikan Islam. Mereka juga akan merasakan kekecewaan terhadap penguasa yang dianggap lalai dalam usaha melahirkan masyarakat Islamik tetapi bersungguh-sungguh melahirkan masyarakat demokratik yang merupakan satu pecahan sahaja daripada masyarakat Islamik. Lebih membimbangkan, cabaran liberalisasi yang sungguh mengancam ialah kos yang perlu dibayar untuk mendapatkan pendidikan tinggi sehingga golongan berpendapatan rendah mereka merasakan ketidakadilan sistem yang memberi keuntungan kepada golongan yang berada atau golongan elit di samping ancaman liberal yang akan mempercepatkan proses sekularisasi.

Ancaman liberalisasi yang paling menyengat umat Islam ialah *ghazwu al-fikr* (peperangan pemikiran) dan juga budaya. Inilah yang sedang bergolak di negara kita waktu ini. Kalau dulu kita cuma diserang oleh idea sekularisme dan sosialisme, kini kita diserang pula dengan fahaman liberalisme dan pluralisme, kedua-duanya kesan daripada globalisasi. Liberalisme muncul daripada fahaman hak kebebasan manusia seperti hak berucap, hak menerbit atau menulis, hak memilih agama dan sebagainya. Mutakhir, kemasukan idea-idea liberal mula meracuni fikiran umat Islam itu sendiri sehingga sanggup memperjuangkan kebebasan individu untuk murtad bukan mereka sebaliknya memujuk individu tersebut atau menyelesaikan masalahnya dengan cara Islam. Idea pluralisme atau *diversity*, iaitu pengiktirafan kepada semua jenis perbezaan khususnya ras dan bahasa sebagai setaraf mula menular kepada agama sehingga status agama Islam dianggap sama sahaja seperti agama lain iaitu semua agama itu benar cuma jalannya berbeda-beda. Setakat ini unsur liberalisme and pluralisme belum menular dalam sukatan pelajaran kita, namun sudah ada desakan-desakan untuk menyamakan kedudukan semua bangsa dalam konteks negara seolah-olah sejarah negara bermula selepas kemerdekaan 1957.

### ***Pendidikan Islam sebagai Disiplin Ilmu***

Dari sudut Pendidikan Islam sebagai satu disiplin ilmu, liberalisasi pendidikan sudah tentu akan mengancam kedudukannya dalam konteks kurikulum pendidikan asas mahupun kurikulum institusi pengajian tinggi. Dalam konteks Malaysia, status Pendidikan Islam mula dimartabatkan selepas kemerdekaan dari kedudukan terpinggir semasa zaman penjajahan. Kemerdekaan memberi ruang untuk pemimpin negara merealisasikan aspirasi ibu-bapa Melayu yang ingin anak mereka diberi didikan agama walaupun dalam sistem nasional. Oleh itu bermula dengan Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960), Laporan Jawatankuasa Kabinet (1982) dan Falsafah Pendidikan Negara (1987) sehingga Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kedudukan Islam dalam sistem Pendidikan Kebangsaan beransor-ansor diperkukuhkan. Menjelang akhir tahun 1980an hampir setiap sekolah mempunyai sebuah surau untuk pelajar mendirikan sembahyang, suatu yang tidak wujud sebelum itu. Tetapi dengan era globalisasi yang mula dirasakan di sini pada tahun 1990an, pendidikan nasional turut mengalami perubahan. Kalau era KBSM peneguhan diberi kepada ketinggian akhlak dengan prinsip nilai dan pemartabatan Bahasa Kebangsaan dengan kebakuannya merentasi, era pasca KBSM menekankan kepentingan ICT dan Bahasa Inggeris, sesuai dengan era globalisasi atas alasan persaingan dan *survival*. Kurikulum institusi pengajian tinggi sememang dari dulu lagi tidak memberi kepentingan kepada sains sosial dan sains Islam, walaupun kursus Pengajian Tamadun Islam diperkenalkan dan kini digantikan dengan kursus Pengajian Tamadun Asia yang lebih sesuai dengan komposisi rakyat Malaysia. Melihat perkembangan ilmu dan teknologi masa kini, kita yakin seperti apa yang berlaku di Barat, Ilmu Islam tinggi tidak akan diberi keutamaan disebabkan keupayaannya untuk menjangkakan pekerjaan adalah kurang berbanding disiplin ilmu sains dan teknologi. Bahkan proporsi ilmu sains Islam yang diwajibkan kepada mahasiswa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pun semakin dikurangkan kerana dianggap tidak bermanfaat dan memanjangkan masa pengajian sahaja. Sepatutnya kurikulum dikaji supaya kursus yang bersesuaian dengan tahap seperti pemikiran Islam, dan bukan kursus yang sudah jemu didengar pelajar seperti kursus Pengenalan kepada Fiqh, dihidangkan dan bukan dikurangkan. Jadi cabaran terbesar yang dihadapi oleh disiplin ilmu ini ialah bagaimana untuk meneruskan kerelevanannya dalam menghadapi arus liberalisasi pendidikan.

### **Saranan Memperkasakan Pendidikan bagi Menghadapi Ekonomi Global**

Hasil analisis UNESCO menegaskan bahawa impak utama 'sebenar' globalisasi ialah perubahan peranan negara. Dalam ekonomi global yang

baru ini, keadaan yang sesuai semakin bergantung kepada cara sesebuah negara mentadbir sistem pendidikan mereka. *Oleh kerana ilmu pengetahuan adalah komoditi yang paling berharga dalam ekonomi global, maka sesebuah negara tidak ada pilihan selain dari meningkatkan pelaburan dalam pendidikan.* Setiap negara berhadapan dengan situasi sosio-ekonomi dan politik yang berbeza-beda. Ada negara mengutamakan bidang pertanian sebagai teras ekonominya, ada bidang perindustrian, ada yang menuju ke ekonomi perkhidmatan dan ada yang telah memantapkan masyarakat sivil yang kukuh; sementara yang lain belum lagi. Justeru setiap negara perlu menibangkan strategi pendidikan yang sesuai. Bagaimanapun pengalaman tahun 1980an dan 1990an menunjukkan empat petanda yang boleh difikirkan sebagai strategi pendidikan.<sup>11</sup>

Pertama, negara seharusnya bertanggungjawab bagi kemajuan dan perkembangan pendidikannya. Ini bukan bermakna bahawa semua sekolah hendaklah diurus oleh kerajaan tetapi pendidikan seharusnya ditadbir menggunakan dana awam. Justeru pihak awam harus juga terus mengawal pendidikan, menentukan piawaiannya, pengagihan sumber dan sebagainya. Kejayaan atau kegagalan negara dalam mengurus pendidikan akan menentukan pengiktirafan terhadapnya. Kedua, kerajaan masih mempunyai banyak ruang politik dan kewangan untuk mencorakkan cara globalisasi meresapi sistem pendidikan. Kerajaan boleh menyediakan akses samarata kepada pendidikan, memperbaiki mutu pendidikan bagi golongan miskin, menjana ilmu dengan lebih berkesan dan lebih adil kepada semua pelajar. Dalam banyak situasi, kerajaan tidak memberi respon kepada perkara di atas bukan disebabkan tidak mampu tetapi kerana perbezaan ideologi menangani globalisasi. Sudah ada negara yang berjaya mencapai hasil pendidikan yang positif tanpa keperluan berlaku tidak adil dalam menyediakan peluang pendidikan, atau melarikan diri daripada tanggungjawab sosial dalam memberi pendidikan yang berkualiti.

Ketiga, pentadbiran awam yang cekap dan tersusun menjadi kunci utama dalam memperbaiki pendidikan dalam ekonomi global. Pertumbuhan ekonomi dan pendidikan yang berkesan bukan sahaja memerlukan pelaburan modal fizikal, daya inovasi, dan keupayaan teknikal tetapi juga kerajaan yang cekap dan jujur. Keempat, guru akan terus menjadi unsur yang paling penting dalam pendidikan dan kualiti pendidikan banyak bergantung kepada kualiti pengajaran dan usaha guru. Seperti juga perkara lain dalam ekonomi global di mana gunatnaga berpengetahuan merupakan kunci utama kepada pengeluaran barangan yang bermutu, maka begitu juga industri ilmu

pengetahuan (pendidikan) juga akan bertambah keberagungannya kepada modal insan iaitu guru.

### **Saranan Memperkasa Pendidikan Islam Dalam Menghadapi Liberalisasi Pendidikan**

Apakah yang wajar dilakukan untuk menghadapi cabaran-cabaran liberalisasi pendidikan? Umat Islam perlu menganalisis situasi ini dengan baik supaya liberalisasi pendidikan dapat dimanfaatkan. Umat Islam dan pemimpin negara masih mampu menangani arus globalisasi mengikut budaya setempat seperti yang disarankan oleh UNESCO. Kerajaan tidak semestinya tunduk kepada gelombang ini. Bahkan kerana serangan budaya dan pemikiran yang melanda umat Islam seperti faham liberalisme, sekularisme, hedonisme dan pluralisme, maka pengajaran Pendidikan Islam menjadi semakin genting dan penting sebagai perisai bagi generasi muda, walaupun ia sendiri.

#### **Institusi ekonomi dan zakat.**

Perkara pokok liberalisasi pendidikan menyentuh aspek ekonomi atau kewangan. Kita harus sedar bahawa kerajaan akan terus mengurangkan pembiayaan pendidikan termasuk pembiayaan pendidikan sekolah agama. Besar kemungkinan sekolah agama rakyat dan sekolah rendah Islam akan mengalami kesulitan kewangan yang besar sama seperti ketika Kerajaan menghentikan bantuan per kapitanya pada sekolah agama rakyat pada tahun 2003. Justeru sudah tiba masanya pihak pengurusan sekolah agama memikirkan program atau projek jangka panjang bagi mengumpul dana sekolah yang dapat membiayai perjalanannya tanpa keberagantungan kepada mana-mana pihak-pihak lain. Malahan sekaranglah masa yang terbaik bagi umat Islam memakmurkan institusi zakat sebab apa yang tersirat pada zakat amat besar maknanya kepada umat. Tentu ada hikmahnya Allah menjadikan zakat sebagai satu daripada rukun Islam. Sememangnya zakatlah tunjang ekonomi umat Islam dan dalam konteks maknanya, zakat harus diziarahi semula, dikaji dan dibangunkan idea-idea baru yang boleh menjana sebagai kekuatan umat. Kita masih belum memaksimumkan potensi zakat dan justeru para ahli ekonomi, kewangan dan ulama Islam perlulah duduk semeja mencernakannya. Dan selain daripada zakat, institusi wakaf juga harus dikaji semula dan dilihat bagaimana ia boleh diberi makna dalam konteks semasa.

Mungkin, liberalisasi pendidikan kini boleh membawa manfaat kepada umat Islam dalam konteks kita mempunyai banyak sekolah agama rakyat yang sememangnya dibina berdasarkan semangat mendidik umat tentang agamanya dan kemudian menjadi benteng pertahanan aqidah umat menentang penjajah dan fahaman sekular mereka. Kini sekolah agama rakyat lebih bersemangat



memberi pendidikan bersepadu kepada umat Islam. Sekolah-sekolah ini dibina oleh individu, pertubuhan dan juga jawatankuasa masyarakat setempat. Bagaimanapun kebanyakan sekolah ini bergantung bantuan kewangan dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri atau dari Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM selain daripada kutipan yuran pengajian. Semua sekolah agama rakyat perlu membuat anjakan paradigma. Sudah tiba masanya umat Islam memastikan sekolah mereka merdeka dari segi kewangan. Kita boleh belajar dari Indonesia di mana Pertubuhan Muhammadiyah mempunyai puluhan universiti yang merdeka. Justeru eloklah kita menerima pakai konsep kewangan era liberalisasi melalui menggandingkan sekolah-sekolah ini dengan syarikat perdagangan orang Islam dalam negara yakni, kita gabungkan orientasi tanggungjawab sosial dengan ciri swasta. Umat Islam tidak semestinya juga tenggelam dalam arus liberalisasi dan terus berfikir dalam paradigma kos-manfaat semata-mata. Sebab itu gandingan dengan korporat Muslim banyak manfaatnya. Pelajar miskin disediakan dengan bantuan kewangan supaya peluang mereka mendapatkan pendidikan bermutu dan sepadu tidak terjejas. Pergandingan itu menggantikan bantuan daripada wakaf yang tidak subur pada hari ini dan di samping itu kita boleh memanfaatkan kemahiran kewangan dan pengurusan korporat tersebut. Ahli korporat Islam pun sudah mula membuat keuntungan tetapi tidak tahu di mana hendak dilaburkan sehingga berlaku pembaziran seperti menaja berbagai-bagai majlis yang tidak membawa manfaat kepada umat. Inilah nanti sumbangan amal jariah mereka.

Pendidikan Islam sebagai satu disiplin di sekolah mahu pun di pusat pengajian tinggi mesti dikaji semula dari segi kandungan dan pedagogi supaya ia terus relevan dan signifikan. Kandungan pendidikan Islam dari sudut shariah dan akhlak memang memadai. Tetapi kalau umat Islam asyik dengan fiqh berpuasa dan bersembayang, mereka tidak akan menjadi umat yang maju. Bukankah kita diajar bagaimana mencari nikmat sembahyang sepertimana sabda Rasul kesejukan matanya lahir dari sembahyang tetapi kita asyik dengan betulkah atau salahkah itu dan ini. Mana yang awliyyat perlu kita renung. Pendidikan Islam juga perlu diperluas untuk meliputi unsur pemikiran and tasawwuf. Dalam konteks era ekonomi global, kita perlu kaji semula kandungan pengajian zakat. Pengajaran zakat dari dahulu hingga sekarang tidak banyak berubah. Ia masih diajar dari jiwa yang kecil, dari perspektif umat yang miskin, dari perspektif umat yang bekerja sebagai petani, penternak dan tidak berekonomi tinggi. Semua perspektif ini mesti diubah kerana kita kini hidup dalam era globalisasi. Jadikan zakat sebagai satu subjek pendidikan Islam bagi mengajar ekonomi kepada anak-anak Islam sejak mereka di sekolah rendah lagi bermula dengan celik kewangan atau *financial literacy*. Buku R.

Kiyosaki, *Rich Dad Poor Dad* menunjukkan bahawa perkara ini boleh diajar dalam bahasa kanak-kanak. Kemudian kita dedahkan mereka kepada peranan zakat di institusi kewangan Islam seperti Tabung Haji, Bank, amanah saham dan Takaful Islam dan tunjukkan bagaimana institusi ini menjaga ekonomi dan kewangan bagi umat. Kita timbulkan rasa bahawa mereka pun boleh membuat begitu dan lebih lagi pada masa depan. Kemudian sedarkan pelajar bagaimana syarikat korporat ini boleh membina pendidikan umat menerusi penyaluran keuntungannya kepada pembinaan sekolah, politeknik, universiti dan sebagainya. Kita fahamkan kepada mereka kenapa ayat Al-Qur'an sentiasa mengiringi mengerjakan sembahyang dan mengeluarkan zakat untuk mereka tahu bagaimana zakat boleh membangun ekonomi dan kemakmuran umat Islam. Pelajar Islam mesti bina supaya berjaya besar dan bukan diletihkan dengan polemik umat Islam yang tiada penghujung.

### *Teknologi Maklumat*

Liberalisasi pendidikan mengalu-alukan komputer dan ICT sebagai satu kewajipan dalam sistem pendidikan masa kini. Selaku seorang pendidik, saya juga telah meneliti banyak inovasi dalam bidang pendidikan sebagai alat bantu mengajar. Kita pernah mempunyai radio dan kemudian TV pendidikan. Tetapi kebanyakan inovasi ini tidak berjaya dan tidak kekal. Yang kekal hanyalah papan hitam atau papan tulis dan buku teks. Namun, pada hemah penulis ICT adalah satu peralatan bantu mengajar yang akan kekal kerana ia memiliki ciri yang sangat hampir dengan jiwa pendidikan iaitu ilmu. Selain daripada itu ia memberi maklumat dalam *'real time'* iaitu secara langsung seperti kita menonton pertandingan bolasepak Piala Dunia yang sedang berlangsung di Jerman. Di samping itu ia boleh digunakan untuk berkomunikasi dan mengirimi fail, gambar dan video. Ia satu ciptaan manusia yang sangat besar sebenarnya Bayangkan sebuah buku setebal 500 halaman boleh disimpan dalam satu disket sahaja dan kini satu *thumb drive* boleh menyimpan jutaan maklumat dan teks. Di samping itu komputer boleh digunakan untuk membuat matematik, graf, membuat kira-kira akaun, menyimpan pangkalan data, membuat persembahan atau pembentangan yang menarik dan berbagai-bagai lagi. Justeru institusi Pendidikan Islam wajib memanfaatkan komputer dan ICT. Wajib ada komputer dan disambungkan kepada Internet. Sebenarnya ICT boleh dimanfaatkan oleh umat Islam dalam era globalisasi ini. Pelajar perlu didedahkan bahawa kini ada satu media alternatif untuk menyalurkan maklumat, idea dan berita sebab kita sendiri peka bahawa akhbar-akhbar rasmi kadang-kadang menyekat berita yang tidak menyebelahi kepentingan mereka. Justeru, kita perlu memperkasakan pelajar untuk menggunakan saluran ICT. Kuasa media telah digunakan dengan berkesan sehingga mengubah corak pemerintahan. Misalnya kerajaan Shah

Iran tumbang dan media yang digunakan adalah kaset audio. Kini, tiba pula giliran internet untuk peluang menyatakan kebenaran (dakwah) secara global.

#### *Bahasa Inggeris dalam Pendidikan*

Bagaimanapun untuk mendapat manfaat sepenuhnya daripada internet, pengetahuan Bahasa Inggeris harus ada. Walaupun bahasa lain terdapat juga di internet, namun ia adalah kandungan kecil. Justeru, pelajar di pusat-pusat Pendidikan Islam wajib belajar Bahasa Inggeris. Ini tidak bermakna mengagungkan bahasa tersebut dan meminggirkan bahasa ibunda sendiri tetapi melihat bahasa sebagai alat untuk memajukan ummah dan bukan sebagai jiwa bangsa. Dalam konteks globalisasi, ada bahasa antarabangsa dan ada bahasa lokal. Bukan orang Melayu sahaja yang perlu belajar Bahasa Inggeris tetapi bangsa besar yang lain seperti Perancis dan Jepun pun sudah mula merasakan kekurangan tanpa mengetahui bahasa itu kerana khuatir akan tercicir dalam persaingan yang begitu dahsyat. Kajian pula menunjukkan bahawa pelajar yang sering terdedah kepada internet boleh memperbaiki Bahasa Inggeris dan meningkatkan motivasi mereka mempelajari Bahasa itu sebab mereka nampak lihat *faedahnya*.<sup>12</sup>

#### *Sains dan Teknologi*

Kepentingan sains dan teknologi pada era ekonomi global ini adalah satu yang tidak dapat disangkal. Islam mempunyai banyak musuh yang merupakan kuasa besar seperti Amerika Syarikat. Mereka ini kuasa besar kerana ekonomi yang utuh dan alat peperangan yang canggih. Tidak ada cara untuk menyaingi mereka dan menguasai mereka kecuali dengan senjata yang sama sepertiilah tidak ada cara bagi Imam al-Ghazali dan Imam al-Ash'ari mengalahkan musuh mereka di kalangan ahli falsafah yang terlanjur dan ulama mu'tazilah melainkan mempelajari senjata mereka sendiri iaitu falsafah khususnya mantiq. Pentingnya al-Qur'an dan budaya ilmu sebagai pencetus pembinaan tamadun sains dan teknologi dalam Islam sudah terbukti di zaman kerajaan Abbasiyyah lagi. Justeru, Pendidikan Islam juga perlu menimbulkan rasa cinta pelajar kepada sains dan ilmu. Tidak cukup sekadar mengharap guru matapelajaran sains untuk menimbulkan rasa fardhu mempelajari ilmu sains. Pendidikan Islamlah tempatnya. Justeru, pendidikan Islam mesti mempunyai ruang untuk mencetus cinta terhadap sains melalui pengamatan ayat-ayat al-Qur'an dan ahli sains Islam sendiri dalam silibusnya.

#### *Falsafah dan Pemikiran*

Di samping itu, sistem pendidikan Islam perlu memperkenalkan semula falsafah Islam dan Barat di peringkat menengah atas dan pengajian tinggi. Falsafah bermaksud bukan sahaja mempelajari sejarah ahli falsafah tertentu

dan gagasan-gagasannya tetapi yang paling penting, bagaimana falsafah boleh membantu seseorang menjalani pemikirannya dan mencapai kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Sudah tentu falsafah ini biarlah di dalam kerangka Islam sepertimana yang dimulakan oleh al-Kindi. Falsafah Yunani menitikberatkan ethics atau akhlak dan kebenaran sehingga menarik perhatian ahli failasuf Islam seperti al-Farabi, Ibnu Sina dan Ibn Rushd. Cara mereka berfalsafah dapat digarap melalui karya mereka. Sebab itu wajar pelajar di peringkat pengajian tinggi mentelaah karya-karya besar mereka *al-Umm, Madinah al-Fadhilah, Muqaddimah, Tahafut al-Falasifah* dan *Kitab al-Ilm*. Bila mahasiswa Islam dapat mewarisi ilmu mereka dan mengamalkan fikiran mungkin mereka boleh mendahului intelektual Barat yang terlebih dahulu mempelajari kitab-kitab besar ini dan menterjemahkannya.

#### *Pedagogi Pendidikan Islam*

Pedagogi perlu berubah untuk menghadapi cabaran liberalisasi pendidikan yang menukar wajah pendidikan. Guru Pendidikan Islam seperti juga guru matapelajaran yang lain tidak boleh lagi mengangap dirinya autoriti terakhir dalam usaha mencari ilmu. Dalam era ini, guru yang berkesan bukanlah guru yang menyampaikan ilmu bak menyuap nasi ke dalam mulut murid atau mencurahkan air ke dalam kantong kepala mereka. Bahkan guru perlu mengajar pelajarinya berusaha mencari ilmu tanpa kehadirannya iaitu berdiskari, dengan menggunakan kemudahan komputer dan ICT, dan sumber-sumber lain selain termasuk buku teks. Inilah caranya untuk memperkasakan pelajar Islam. Pembelajaran era liberalisasi pendidikan lebih bersifat berpasokan, bekerjasama atau kolaboratif, dan toleran khususnya terdapat murid dari latar belakang yang cukup pelbagai dari segi bangsa, agama dan bahasa. Ini tidak bermakna guru tidak penting. Malahan guru akan menjadi pakar rujuk apabila pelajar masih keliru dan ragu dengan kesahihan maklumat yang diperolehi. Kaedah mengajar pula tidak terhad kepada penyampaian kandungan buku teks dan menghafazan fakta-fakta. Dengan kemudahan ICT, pelajar boleh diberi projek yang lebih bermakna dalam kehidupan mereka sebab mereka boleh mencapai sebarang institusi di Internet untuk mendapatkan maklumat dikehendaki.

#### *Pendidikan Al-Qur'an*

Sebagai benteng menghadapi serangan budaya, sub-budaya dan fahaman melalui globalisasi, sistem pendidikan Islam harus peka kepada ini dan mengukuhkan aqidah pelajar. Perkara ini boleh hadapi dengan berpegang kepada sunnah Rasul bertunjangan kata-katanya iaitu, 'akan sesat umat Islam kecuali berpegang kepada Kitabullah dan Sunnahku'. Justeru, Pendidikan Islam seharusnya menjadikan al-Qur'an sebagai buku teks asas dan bukan

sebagai teks tambahan untuk mengajar membaca al-Qur'an dengan tajwid yang betul, atau sebagai dalil untuk hujjah dalam aqidah, fiqh, ibadah dan sebagainya. Sukatan pendidikan Islam harus disusun supaya seluruh atau separuh al-Qur'an dibaca dengan makna sehingga tamat tingkatan lima. Mungkin pada Tahap Satu pelajar sibuk belajar mengeja dan membaca huruf dan perkataan Bahasa Arab tanpa pengertian dan menghafaz ayat al-Qur'an. Tetapi Tahap Dua sudah boleh dimulakan membaca dengan makna dalam Bahasa Melayu. Sudah lama umat Islam meninggalkan pesanan Rasul ini. Biarlah generasi belakangan celik al-Qur'an seperti mereka celik huruf atau celik nombor. Inilah benteng terkuat bagi anak-anak, remaja dan belia Islam.

#### *Guru Pendidikan Islam*

Akhir sekali dengan cadangan-cadangan yang disarankan di atas, bermakna guru pendidikan Islam bukan calang-calang individu. Gurulah yang menentukan segala-galanya. Guru Pendidikan Islam mestilah daripada golongan insan yang bermutu. Pada saat ini cuba kita bermuhasabah dan meneliti pelajar yang mengkhusus dalam Pengajian Islam bermula di sekolah menengah, adakah mereka yang terbaik? Mungkin ada segelintir, tetapi yang selain nya tidak. Terbaik bukan dalam subjek Pendidikan Islam sahaja tetapi ilmu sains, matematik dan bahasa-bahasanya. Murid yang berkualiti datangnya dari guru yang berkualiti jua. Justeru, mutu calon guru yang dipilih untuk pengkhususan Pendidikan Islam mesti mempunyai kualiti tersebut. Di samping itu calon guru mesti mempunyai visi untuk berakwah dan bekerja untuk Islam, bukan sekadar untuk makan gaji semata-mata. Kemudian mereka hendaklah dilatih dengan pedagogi yang sesuai seperti yang disebutkan. Jika ini tidak dilakukan Pendidikan Islam akan kekal pada takuk yang lama tanpa dinamisme.

#### **Kesimpulan**

Umat Islam berhadapan dengan satu senario baru dalam perkembangan dunia hari ini yang mencabar dan juga sebenarnya memberi mereka peluang untuk mencuba sesuatu yang baru. Dari segi pendidikan, umat Islam menaruh harapan bahawa sistem pendidikan akan berubah sehingga bertaut semula ilmu fardhu 'ayn dan fardhu kifayah, dan ilmu dan nilai kemanusiaan dan spiritualitas, yang semakin terpisah yang kesannya semakin terjelma dengan begitu banyaknya bencana alam dan kebobrokan masyarakat. Mungkin klasifikasi ilmu yang lebih luas seperti yang dicernakan oleh Ikhwan as-Safa, iaitu ada ilmu untuk kehidupan di sini, ilmu untuk kehidupan di sana dan ilmu untuk mengasah intelek, akan dapat direalisasikan.

#### **Nota hujung**

- <sup>1</sup> J. A. Scholte, *Globalization. A critical introduction*, (London: Palgrave, 2000), hlm. 15-17 dalam Smith, M. K. 'Definitions of Globalization, *The encyclopedia of informal education*, www.infed.org/biblio/globalization.htm (diakses pada 5 Julai 2006).
- <sup>2</sup> A. Giddens, *Consequences of Modernity* (Cambridge: Polity 1990), hlm. 64 dipetik dalam 'Definitions of globalization', *Encyclopedia of Informal Education*, [http://www.infed.org/biblio/defining\\_globalization.htm](http://www.infed.org/biblio/defining_globalization.htm) (diakses pada 5 Julai 2006).
- <sup>3</sup> R.A. Morrow dan C. A. Torres, 'The state, globalization, and educational policy,' dalam N.C. Burbules & C.A. Torres, *Globalization and education: Critical Perspectives* (New York: Routledge, 2000), hlm. 27-56.
- <sup>4</sup> N.C. Burbules & C.A. Torres, *Globalization and education: Critical Perspectives* (New York: Routledge, 2000), hlm. 5-7.<sup>5</sup> Benjamin Barber, *Jihad vs McWorld* (New York: Ballantine Books, 1995).
- <sup>6</sup> Michael Apple, *Between neoliberalism and neoconservatism: Education and conservatism in a global context*, dalam Burbules, N. C. & Torres, C. A., *Globalization and education: Critical Perspectives* (New York: Routledge, 2000).
- <sup>7</sup> M. Carnoy, *Globalization and educational reform: what planners need to know*, hlm.15-17, International Institute for Educational Planning: UNESCO, 1999, <http://unesdoc.unesco.org/images/0012/001202/120274e.pdf> (diakses pada 26hb Julai 2006).
- <sup>8</sup> Yedullah Kazmi 'The Notion of Murabbi in Islam', *Islamic Studies* (1999) 38:2 Summer.
- <sup>9</sup> Lihat P. G. Altbach, 'Globalization and the university: myths and realities in an unequal world,' *Tertiary Education and Management*, 1 (2004) dan H. Giroux, 'Neoliberalism and the vocationalization of higher education', [http://neoliberal&ED/Giroux/vocationalization\\_of\\_HE.htm](http://neoliberal&ED/Giroux/vocationalization_of_HE.htm) (diakses pada 25 Julai 2006).
- <sup>10</sup> Sung Chul Yang, 'English Language and Globalization', Kertas kerja yang dibentangkan pada Bengkel Orientasi Ahli Akademik Baru, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Korea University, 24<sup>th</sup> Februari 2006.
- <sup>11</sup> Lihat M. Carnoy, *Globalization and educational reform: what planners need to know*, hlm. 83-86.

<sup>12</sup> Lihat Rosnani Hashim, 'Web-Based Assisted Learning in the teaching of English Language', Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan MICELT 2006, Equatorial Hotel, Melaka 10-11 Mei 2006.

## PERSPEKTIF PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN DAN PENGEMBANGAN ILMU

Oleh

Ab. Halim bin Tamuri & Zarim bin Ismail

### Abstract

*The aim of this paper is to discuss the rationale and importance of empirical research in the area of Islamic education. The discussion focuses on the definition, critical scope in Islamic research, and ethics of research in Islam; as well as the appropriate procedures in carrying out research from the Islamic perspective. It also outlines measures for developing a research culture among Muslim educationists. Two major steps have been suggested in research and knowledge development, that is, individual and institutional actions. With the advancement of appropriate research procedures according to the holistic Islamic perspective, it is hoped that the several issues pertaining to the Islamic concept of research, methodology of research, research culture and knowledge development could be improved.*

Dalam bidang pendidikan Islam, kaedah tradisional sering dihubungkan dengan pengajaran dan pembelajaran menadah kitab” iaitu guru membaca dan murid memerhati serta meneliti perkataan demi perkataan apa yang terdapat dalam kitab-kitab lama yang dikarang oleh ulama-ulama tersohor sejak berkurun-kurun yang lalu yang masih lagi digunakan hingga kini. Tanpa menafikan sumbangan besar yang diberikan oleh kaedah tradisional ini dalam sistem pendidikan, kita seharusnya juga dapat menilai semula tahap keberkesanan kaedah tradisional ini di zaman globalisasi dan perkembangan pesat teknologi maklumat. Apa yang berlaku ialah kegagalan untuk mengaitkan penafsiran hukum-hukum yang terdapat dalam kitab-kitab lama dengan isu-isu dan masalah semasa kadang kala telah menyebabkan masyarakat melihat kitab-kitab lama tersebut dipandang sebagai tidak relevan dengan realiti semasa. Ini ditambah pula dengan sikap segelintir ilmuwan yang menggunakan alasan bahawa kaedah tradisional tersebut adalah sesuatu yang sudah mantap, berautoriti dan mesti dipertahankan. Malah, segelintir yang mendokong aliran pemikiran ini juga ada kalanya bersikap sinis atau seakan telah menutup pemikiran mereka untuk mengaplikasi kaedah-kaedah lain yang kontemporari yang boleh membantu mereka.